



اونيورسيتي مليسيا فهغ السلطان عبدالله  
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH**

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH  
(UMPSA)**

**TERBUKA**

**PROSEDUR PENGURUSAN VENDOR DAN PIHAK  
KETIGA**

**(UMPSA-ISMS-P2-008)**

**ISO/IEC 27001:2013**



**PROSEDUR PENGURUSAN VENDOR DAN PIHAK KETIGA**

**KANDUNGAN**

1.0	OBJEKTIF .....	1
2.0	SKOP .....	1
3.0	RUJUKAN .....	1
4.0	DEFINISI .....	1
5.0	SINGKATAN.....	1
6.0	PROSES PENGURUSAN VENDOR DAN PIHAK KETIGA .....	2
6.1	Kawalan Keselamatan Vendor dan Pihak Ketiga .....	2
6.2	Kontrak Vendor dan Pihak Ketiga .....	4
6.3	Penilaian Vendor dan Pihak Ketiga.....	4
7.0	CARTA ALIRAN .....	5
8.0	TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN .....	7
9.0	LAMPIRAN .....	8
10.0	REKOD PINDAAN DOKUMEN.....	8



## UMPSA-ISMS-P2-008



### PROSEDUR PENGURUSAN VENDOR DAN PIHAK KETIGA

#### 1.0 OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan untuk menerangkan dan memastikan proses pengurusan vendor dan pihak ketiga yang memberikan perkhidmatan kepada UMPSA dilaksanakan dengan berkesan dalam keadaan terkawal seiring dengan keperluan keselamatan maklumat ISO/IEC 27001:2013.

#### 2.0 SKOP

Prosedur ini diguna pakai oleh JK ISMS UMPSA merangkumi proses pengurusan dan kawalan keselamatan maklumat berkaitan dengan pengurusan vendor dan pihak ketiga yang memberikan perkhidmatan kepada UMPSA.

#### 3.0 RUJUKAN

- a) ISO/IEC 27001:2013: A.15 *Supplier relationships*

#### 4.0 DEFINISI

- a) **ISO/IEC 27001:2013** ialah Piawaian Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang digunakan sebagai rujukan keselamatan maklumat di UMPSA.

#### 5.0 SINGKATAN

Penyataan	Definisi
UMPSA	Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
DiTec	Pusat Teknologi Digital
SLA	Service Level Agreement



## PROSEDUR PENGURUSAN VENDOR DAN PIHAK KETIGA

### 6.0 PROSES PENGURUSAN VENDOR DAN PIHAK KETIGA

Pengurusan Vendor dan Pihak Ketiga ialah proses pengurusan merangkumi perkara berikut:

- i. Mengurus dan memantau tahap perkhidmatan antara pelanggan (pengguna perniagaan) dan organisasi.
- ii. Memantau prestasi SLA untuk semua perkhidmatan yang berkaitan dengan infostruktur & infrastruktur, merangkumi aspek ketersediaan, kebolehpercayaan dan penyelesaian masalah.
- iii. Menyeragamkan perjanjian penyelenggaraan dan jadual.
- iv. Memastikan pematuhan SLA seperti yang dipersetujui bersama.

#### 6.1 Kawalan Keselamatan Vendor dan Pihak Ketiga

Pihak vendor dan pihak ketiga yang memberikan perkhidmatan kepada UMPSA dikehendaki mematuhi perkara di bawah dengan tujuan pelaksanaan perkhidmatan berada didalam kawalan keselamatan.

- i. Pihak vendor dan pengguna pihak ketiga hendaklah bersetuju dan menandatangani terma dan syarat-syarat kontrak pekerjaan yang menyatakan tanggungjawab mereka dan UMPSA untuk tujuan keselamatan maklumat.
- ii. Pihak vendor dan pihak ketiga hanya dibenarkan bekerja di kawasan yang ditetapkan. Kehadiran di tempat yang tidak berkenaan dianggap sebagai pencerobohan dan akan diambil tindakan.
- iii. Pihak vendor dan pihak ketiga hanya dibenarkan menggunakan maklumat, peralatan dan kemudahan pemprosesan maklumat yang diberi kelulusan oleh UMPSA sahaja dan perlu menandatangani Non-Disclosure Agreement (NDA) jika perlu.
- iv. Pihak vendor dan pihak ketiga perlu mengistiharkan jumlah pekerja, peralatan dan



## PROSEDUR PENGURUSAN VENDOR DAN PIHAK KETIGA

- kelengkapan yang dibawa masuk ke kawasan UMPSA.
- v. Pihak vendor dan pihak ketiga perlu memakai pas pekerja sepanjang berada di dalam kawasan UMPSA.
  - vi. Perkhidmatan, laporan dan rekod yang disediakan oleh pihak ketiga akan sentiasa dipantau.
  - vii. Pihak vendor dan pihak ketiga akan menerima latihan kesedaran yang sesuai berkenaan polisi dan prosedur keselamatan dan cara kerja UMPSA, seperti yang berkaitan untuk fungsi kerja mereka.
  - viii. Pihak vendor dan pengguna pihak ketiga hendaklah memulangkan semua aset milik UMPSA setelah tamat kontrak pekerjaan atau perjanjian.
  - ix. Kemudahan akses vendor dan pihak ketiga kepada maklumat dan kemudahan pemprosesan maklumat milik UMPSA akan ditamatkan setelah tamat kontrak pekerjaan, atau perjanjian.
  - x. Memastikan vendor dan pihak ketiga yang berurusan dengan pihak UMPSA sentiasa mematuhi peraturan, garis panduan, polisi dan prosedur sepanjang berada dalam tempoh kontrak / perkhidmatan.
  - xi. Pihak vendor dan pengguna pihak ketiga hendaklah mengisi Borang Tapisan Keselamatan bagi tujuan pengisytiharan keterangan diri bagi setiap wakil daripada pihak vendor yang terlibat.



## PROSEDUR PENGURUSAN VENDOR DAN PIHAK KETIGA

### 6.2 Kontrak Vendor dan Pihak Ketiga

Proses Kontrak Vendor dan Pihak Ketiga UMPSA dirujuk kepada aktiviti seperti berikut:

- i. Pembinaan draf kontrak rasmi oleh pihak Kewangan dan DiTec.
- ii. Penyerahan dokumen kontrak kepada pihak vendor dan/atau pihak ketiga
- iii. Mengemaskini kontrak setelah menerima komen daripada vendor dan/atau pihak ketiga oleh pihak Undang-Undang
- iv. Penilaian terakhir kontrak bersama pihak berkaitan
- v. Menandatangani kontrak dengan pihak vendor dan/atau pihak ketiga

### 6.3 Penilaian Vendor dan Pihak Ketiga

Penilaian vendor dan pihak ketiga akan dilakukan secara berkala bergantung kepada tempoh kontrak atau perkhidmatan. Proses penilaian vendor dan pihak ketiga UMPSA dirujuk kepada aktiviti seperti berikut:


- i. Kajian keatas prestasi kerja dan perkhidmatan vendor dan pihak ketiga sedia ada setelah pembekalan dan perkhidmatan dilaksanakan.
- ii. Menilai melalui Borang Maklumbalas Prestasi Pembekal
- iii. Menghubungi vendor dan pihak ketiga yang menunjukkan prestasi kurang memuaskan untuk tujuan penambahbaikan perkhidmatan.



**PROSEDUR PENGURUSAN VENDOR DAN PIHAK KETIGA**

**7.0 CARTA ALIRAN**


**a) Kontrak Vendor dan Pihak Ketiga**





**PROSEDUR PENGURUSAN VENDOR DAN PIHAK KETIGA**

**b) Penilaian Vendor dan Pihak Ketiga**





## UMPSA-ISMS-P2-008



### PROSEDUR PENGURUSAN VENDOR DAN PIHAK KETIGA

#### 8.0 TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
<b>A. Kawalan Keselamatan Vendor dan Pihak Ketiga</b>	
Pengurus Projek, Ketua Jabatan/Bahagian	Memastikan pematuhan terhadap undang-undang, polisi dan prosedur yang berkaitan
Bahagian Pentadbiran & Kewangan DiTec	Menguruskan dan memastikan borang tapisan keselamatan mendapat kelulusan di peringkat universiti
Bahagian Keselamatan	Mengambil tindakan sekiranya berlaku pelanggaran keselamatan.
OSHMO (Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan)	Mengadakan Latihan Kesedaran berkaitan
<b>B. Kontrak Vendor dan Pihak Ketiga</b>	
Pejabat Kewangan, Pusat Tanggungjawab yang terlibat	Membuat / mengemaskini draf kontrak
Pejabat Kewangan, Unit Undang-Undang	Penilaian terakhir kontrak setelah menerima komen dari vendor dan/atau pihak ketiga
<b>C. Penilaian Vendor dan Pihak Ketiga</b>	
Ketua Jabatan/Bahagian dan Pemohon	Menilai prestasi kerja dan perkhidmatan yang diberikan



## UMPSA-ISMS-P2-008



### PROSEDUR PENGURUSAN VENDOR DAN PIHAK KETIGA

#### 9.0 LAMPIRAN

- a) Borang Maklumbalas Prestasi Pembekal
- b) Permit Menjalankan Kerja Bagi Kontraktor / Pembekal UMPSA - BKES
- c) Permit Melaksanakan Kerja / Permit To Work (PTW) – OSHMO

#### 10.0 REKOD PINDAAN DOKUMEN

Versi	Tarikh	Keterangan	Penulis
1.0	01/08/2012	Prosedur Pengurusan Vendor dan Pihak Ketiga	Mohd Rashid Abu Bakar
1.1	24/09/2013	Prosedur Pengurusan Vendor dan Pihak Ketiga	Suzana Zahid
2.0	14/08/2015	Perubahan kepada MS ISO/IEC 27001:2013	Hanizam bin Abdul Kasim
2.1	19/06/2017	Rujuk borang perubahan dokumen	Hanizam bin Abdul Kassim
2.2	28/02/2018	Perubahan pelulus dokumen	Norfaezah binti Abd Halim
2.3	11/07/2019	Perubahan nama jawatan	Norfaezah binti Abd Halim
2.4	06/11/2020	Penambahan Borang Permit To Work (PTW) sebagai lampiran pada perkara 9.0	Shahrol Azmi bin Amzat



## UMPSA-ISMS-P2-008



### PROSEDUR PENGURUSAN VENDOR DAN PIHAK KETIGA

2.5	14/09/2022	<p>Pelulus bagi dokumen ini telah berubah, merujuk kepada perubahan organisasi.</p> <p>Pengemaskinian item 9.0</p>	Shahrol Azmi bin Amzat
2.6	10/10/2023	<p>Perubahan Nama dan Logo UMPSA kepada UMPSA – Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah</p> <p>Perubahan nama Pusat Teknologi Maklumat &amp; Komunikasi (PTMK) kepada Pusat Teknologi Digital (DiTec)</p>	Shahrol Azmi bin Amzat